

UUM, UMS jalin persefahaman perkukuh integrasi nasional

Oleh Azahar Kasim
bhvarsiti@bharian.com.my

INTERGRASI nasional agenda negara yang perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan menepati sasaran daripada pelbagai peringkat masyarakat, termasuk institusi pengajian tinggi negara ini.

Ini kerana usaha memantapkan integrasi nasional dan mengekalkan semangat 1Malaysia ialah agenda berterusan kerajaan dalam memastikan perpaduan negara yang diidamkan oleh pemimpin negara tercapai.

Menyedari peranan itu, Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah baru-baru ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi menyokong usaha kerajaan memantapkan

integrasi nasional antara rakyat Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Usaha awal itu dilakukan dengan penghantaran pelajar dari Semenanjung ke Sabah selama satu semester bagi memupuk semangat 1Malaysia dan memahami dengan lebih mendalam konsep integrasi nasional sebenar.

Pelajar kedua-dua universiti itu akan berada selama empat hingga enam bulan bermula semester depan untuk membolehkan mereka mengambil beberapa kursus di samping menyertai aktiviti peringkat universiti serta mempunyai peluang mengenali budaya dan adat resam negeri masing-masing.

Naib Canselor UUM, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata program pertukaran pelajar itu akan mendedahkan pelajar kepada pengalaman baru serta

menghasilkan jaringan sosial lebih baik.

Beliau berkata, melalui program itu pelbagai bentuk program boleh dirangka bagi mencapai matlamat integrasi nasional termasuk aktiviti inap desa, tinggal bersama keluarga angkat serta mengenali budaya dan adat resam masyarakat setempat.

"Pendedahan serupa juga akan dilakukan kepada staf akademik dan pentadbiran bagi membolehkan mereka mempelajari sesuatu yang baru di Sabah dan Semenanjung," katanya di majlis menandatangani MoU itu di UUM Sintok, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Dr Kassim Md Mansur; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM, Datuk Dr Ahmad Faiz Abd Hamid; Timbalan Naib Canselor (Akademik



DR MOHAMED (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Dr Kassim selepas majlis MoU di Sintok, baru-baru ini. *BM 12/01/2011/6*

dan Antarabangsa) UUM, Prof Dr Rosna Awang Hashim dan Penolong Naib Canselor Kolej Perniagaan UUM, Prof Madya Dr Mahamad Tayib.

Mustafa berkata, UUM akan terus menggalakkan program mobiliti pelajar kerana mereka perlu diberi pendedahan men-

genai perbezaan budaya dan adat resam supaya yakin ketika berjauhan daripada keluarga nanti.

Sementara itu, Kassim berkata, kerjasama itu amat baik kerana pelajar UMS juga perlu dihantar ke Semenanjung untuk mendedahkan mereka dengan

suasana persekitaran baru.

"UMS dan UUM boleh melaksanakan banyak perkara secara bersama seperti penyelidikan, pertukaran pelajar dan staf yang mana ia akan memantapkan semangat 1Malaysia dan integrasi nasional," katanya.